

**NO. SOALAN : 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah kedudukan ekonomi negara masakini setelah lebih setahun berhadapan dengan kejatuhan mendadak harga minyak serta kelembapan ekonomi global.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan, sebagai sebuah ekonomi terbuka dan juga negara pengeluar minyak, perubahan kepada ekonomi dunia termasuk kejatuhan harga minyak mentah menimbulkan cabaran kepada Malaysia. Namun, dalam persekitaran harga minyak yang lebih rendah, negara kita masih mampu mencatat pertumbuhan sebanyak 5 peratus pada tahun lepas. Pertumbuhan ini didorong oleh langkah-langkah Kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung pada mana-mana subsektor ataupun komoditi mahupun pasaran tertentu. Pada tahun 2015, sektor perlombongan hanya menyumbang 8.9 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) manakala peratusan sektor perlombongan kepada keseluruhan eksport negara pula hanya 10.6 peratus sahaja.

Walaupun kejatuhan harga minyak mentah dunia tidak terlalu menjejaskan ekonomi Malaysia, namun ia telah mengurangkan kutipan hasil Kerajaan dalam jangka masa pendek. Namun, hasil dari usaha Kerajaan mengukuhkan kedudukan fiskalnya, hasil Kerajaan kini tidak terlalu bergantung kepada hasil minyak. Sumbangan hasil minyak kepada jumlah hasil Kerajaan telahpun menurun dari 40.3 peratus pada 2009 kepada 21.5 peratus pada 2015. Pengurangan hasil tersebut juga dapat diimbangi dengan kutipan hasil Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan mulai 1 April 2015 serta peningkatan kecekapan dalam kutipan hasil. Kutipan GST pada tahun 2015 (April-Disember) adalah sebanyak RM27 bilion dan menyumbang 12.3 peratus kepada jumlah hasil Kerajaan. Dengan hasil yang bertumbuh lebih baik

berbanding perbelanjaan, Kerajaan berjaya mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 3.2% kepada KDNK pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi separuh pertama tahun 2016, ekonomi negara secara keseluruhan masih mencatat pertumbuhan yang mapan dengan mencatat pertumbuhan pada kadar 4.1 peratus. Pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan yang menyederhana di kalangan negara dagang utama. Ia disokong oleh penggunaan swasta yang meningkat pada kadar 5.8 peratus yang didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna individu berikutan tahap guna tenaga yang stabil dan bantuan khas Kerajaan. Pelaburan swasta pula telah berkembang pada kadar 4.0 peratus berikutan pertumbuhan pelaburan yang sederhana bagi sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Dari aspek sektor, kesemua sektor utama negara kecuali sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang positif dalam separuh pertama tahun ini. Prestasi sektor pertanian telah terjejas berikutan kejatuhan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah akibat fenomena El Nino.

Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran pula masih mencatatkan lebihan pada 0.6 peratus kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Rizab antarabangsa juga masih tinggi pada RM405 bilion (bersamaan dengan USD97.7 bilion) setakat 30 September 2016 mampu membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan merupakan 1.2 kali ganda hutang jangka pendek.

Pertumbuhan yang dicapai ini lebih bermakna kerana ia diperoleh dalam keadaan ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu. Badan-badan penarafan antarabangsa utama juga telah mengekalkan takrifan negara berdasarkan kedudukan ekonomi yang masih berdaya tahan dan boleh menghadapi sebarang risiko. Ini jelas membuktikan bahawa asas ekonomi negara masih kukuh serta pengurusan dan dasar ekonomi negara yang berada di landasan yang betul.

Kerajaan mensasarkan defisit fiskal sebanyak 3.1 peratus kepada KDNK pada tahun ini dan menjangka sasaran ini akan dapat dicapai terutamanya dengan paras harga minyak yang lebih baik daripada jangkaan awal iaitu antara USD30-35 setong. Saya percaya, dengan langkah pengukuhan dasar fiskal yang berterusan dan pengurusan monetari yang sedang dilaksanakan, daya tahan ekonomi negara akan terus meningkat untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif terutama dalam menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu.

Sekian, terima kasih.

Oktober 2016